

SELAMA beberapa minit, seorang model perlu berdiam diri atau kaku agar tidak mencacatkan mainan cahaya di sekitarnya.



NURUL Asyikin seolah-olah mempunyai sepasang sayap menyerupai rama-rama di sekelilingnya.



AIZUDDIN beraksi di sebalik gelungan api.



Aizuddin ingin kembangkan light painting kerana mampu memberi pendapatan lumayan

Seni menerusi cahaya

Oleh Siti Salmiah A Hamid
salmiah@mediaprime.com.my

Pernah dengar mengenai lukisan dengan cahaya atau 'light painting'?

Lukisan dengan cahaya adalah satu proses yang berhasil bersama-sama dengan fotografi. Maksudnya, fotografi adalah imej asal yang dilukis ke atasnya pelbagai bentuk pencahayaan.

Menurut sejarah, imej pertama dicetak menerusi cahaya dikenali sebagai 'heliografi' yang ditemui oleh Joseph NicEphore NiÈpce dari Perancis.

Namun, imej heliograf pertama di dunia dilukis pada plat pewter pada 1826. Kini, teknik itu dipanggil 'long exposure shooting'.

Pada 1935, Laszlo Moholy-Nagy dari Hungary yang mempunyai pengalaman dalam light painting meningkatkan usahanya dalam teknik 'photogram'.

Minat berterusan pencinta fotografi light painting diteruskan sehingga memasuki tahun era 70-an apabila pelbagai hasil seni dilahirkan menerusi teknik cahaya ini.

Begini juga dengan anak muda dari Pontian, Johor ini yang meminati seni light painting.

Mohd Aizuddin Md Akhsan mula membabitkan diri dengan hobi unik ini sejak Mac 2011.

Di awal pembabitan, dia lebih terarah ke bi-

dang fotografi selepas membeli kamera digital reflek kanta tunggal (DSLR) pada 2010.

"Selepas melihat demo light painting seorang rakan di TV3, saya mula mencubanya sendiri."

"Minat terbabit dikembangkan menerusi kajian, pembacaan di blog dan Internet serta mencari pelbagai maklumat mengenai light painting untuk mengetahui lebih mendalam mengenai teknik dan peralatan yang diperlukan."

"Pelbagai peralatan yang memancarkan cahaya digunakan untuk membentuk imej menarik seperti grafik bebas yang menggunakan 'doodle', cahaya bulat dengan 'halfdome' dan bentuk matahari menggunakan 'the sun', " kata pemuda berusia 27 tahun ini.


Aizuddin, sewaktu membuat pertunjukan light painting di News Straits Times Press (NSTP) turut membawa beberapa rakan yang berperanan mengawal kamera DSLR.

"Saya memerlukan tiga atau lima pembantu untuk kerja-kerja ini."

"Penyediaan mengambil masa 15 minit sebelum melukis imej mengikut jumlah dan keperluan lampu," katanya.

Baginya, semakin sukar imej yang mahu dilukis, semakin banyak peralatan cahaya digunakan.

Menurut pemegang Diploma Pengurusan Perniagaan



LIGHT painting dengan tema Timur Tengah.



TIDAK terkecuali menggunakan penyembur cat sebagai bahan kreativiti.

Info



Pelukis seni light painting

Nama: Mohd Aizuddin Md Akhsan
Asal: Pontian, Johor
Umur: 27 tahun
Pendidikan: Diploma Pengurusan Perniagaan, UPM dan Sijil Pelukis Pelan Kejuruteraan Awam dan Struktur, Kolej SEGI
Telefon: 014-7313815
Web: lightpainting86.blogspot.com



UNIK dengan kerlipan bintang.

gaan, Universiti Putra Malaysia (UPM) ini, dia ingin mengembangkan minatnya ini kerana boleh memberi pendapatan lumayan.

"Kreativiti saya pernah menarik perhatian pengeluar iklan pisau cukur BIC yang memaparkan konsep light painting."

"Saya berharap mampu

menarik perhatian masyarakat mengenai keunikan imej light painting yang berlainan dengan lain-lain kesenian," katanya.

Hubungi talian 014-7313815 atau layari laman lightpainting86.blogspot.com untuk maklumat lanjut.